



Taklimat diberikan supaya program berjalan lancar.



Berganding bahu memastikan kelestarian alam sekitar di Gunung Nuang.



Peserta berehat di tapak perkhemahan.



Tekun membersihkan sisa buangan sampah di tapak perkhemahan.



Peserta bersama beg plastik yang dipenuhi sampah berjaya dikutip melalui program Nuang Green Hiking.

# Bersihkan sampah sepanjang trek pendakian Gunung Nuang

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Hulu Langat

**S**ekumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) bukan sahaja menawan puncak Gunung Nuang yang berketinggian kira-kira 1,400 meter dari aras laut, malah berjaya melunaskan misi khidmat bakti pembersihan sepanjang pendakian itu.

Melalui ekspedisi Nuang Green Hiking anjuran Sekretariat Rekreasi Kolej Sepuluh UPM, baru-baru ini, mereka mengumpulkan sampah ditemui ke dalam beg plastik sebelum berganding bahu

memikul karung yang sudah penuh turun ke kaki gunung.

Pengarah program, Nizal Mohd Yusof, berkata inisiatif itu bertujuan menyemai sikap bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar berikutan segelintir pendaki didapati mengabaikan perkara berkenaan.

"Misi utama ialah membersihkan kawasan trek pendakian gunung yang dipercayai ada banyak sisa buangan sampah oleh pendaki sebelum ini, terutama tapak perkhemahan, iaitu Kem Lolo dan Kem Pacat.

## Berjalan lancar

"Selain itu, program ini diharap dapat menerapkan

sikap bertanggungjawab masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar dan memberi peluang untuk peserta melakukan aktiviti rekreasi," katanya.

Sebelum memulakan ekspedisi pendakian, Nizal berkata, beberapa ahli jawatankuasa pelaksana sudah membuat tinjauan terlebih dahulu bagi melihat laluan ke puncak Gunung Nuang dan mengenal pasti lokasi yang ada banyak sisa buangan sampah.

"Aktiviti mendaki gunung memang bukan mudah. Semangat bekerjasama, bertoleransi dan hubungan baik antara peserta perlu dipupuk sebelum memulakan pen-

## Fakta nombor

Nuang Green Hiking

22 PESERTA jayakan

2 HARI tempoh program

dakian kerana mereka perlu bergilir membawa turun plastik sampah yang sudah penuh.

"Hasil komitmen semua peserta, program berjalan lancar tanpa sebarang perkara tidak diingini. Sampah dijumpai di sepanjang laluan pendakian dan puncak Gunung Nuang juga dibersihkan.

## Capai objektif

"Secara tidak langsung, peserta dapat mengaplikasikan konsep *take nothing but pictures, leave nothing but footprints* kerana kelestarian alam sekitar amat penting," katanya.

Sementara itu peserta, Muhammad Uzair Fikri

Haider, berpuas hati menjayakan program berkenaan yang mendidik pelajar menghargai alam sekitar.

"Semua peserta dan ahli jawatankuasa pelaksana memberi komitmen sangat memberangsangkan. Kami berjaya mencapai objektif mengutip sebanyak mungkin sampah yang ada di sekitar kawasan pergunungan dan perkhemahan.

"Setiap pendaki harus bertanggungjawab menjaga alam sekitar dan memastikan tapak perkhemahan serta laluan pendakian tidak dicemari sampah kerana boleh menjejaskan habitat flora dan fauna di kawasan itu," katanya.